

Teknik Retorik Penceritaan Hadis Naratif *Sahih al-Bukhari* Berdasarkan Perawi Terpilih

BITARA

Volume 4, Issue 3, 2021: 199-216
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[The Rhetorical Techniques of Narrating Hadith Narrative *Sahih al-Bukhari* Based on Selected Narrators]

Nurhasma Muhamad Saad^{1*}, Yuslina Mohamed¹, Wan Moharani Mohammad¹, Muhammad Marwan Ismail¹ & Zulkipli Md Isa¹

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kepelbagaian teknik retorik penceritaan dalam hadis naratif *Sahih al-Bukhari* yang diriwayatkan oleh tiga perawi terpilih sebagai data primer kajian iaitu: Aisyah binti Abu Bakr al-Siddiq, Abdullah bin Abbas dan Anas bin Malik. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis deskriptif untuk menganalisis hadis-hadis naratif yang menggunakan pelbagai teknik retorik penceritaan seperti: teknik pemerian, teknik dialog, teknik pesanan dan teknik perulangan yang terdapat dalam hadis naratif *Sahih al-Bukhari*. Analisis ini berasaskan tema periwayatan yang diriwayatkan oleh perawi pilihan hadis tersebut, iaitu dengan membahaskan variasi tema yang telah mempengaruhi dan membentuk teknik penceritaan dalam hadis yang diriwayatkan oleh mereka. Kajian ini telah merumuskan bahawa hadis naratif *Sahih al-Bukhari* banyak menggunakan teknik-teknik retorik penceritaan pemerian, dialog, perulangan, dan al-amthal. Kajian juga mendapati bahawa tiga teknik penceritaan iaitu teknik dialog, teknik pemerian dan teknik pesanan telah mendominasi dalam periwayatan hadis oleh ketiga-tiga perawi pilihan, manakala perawi Aisyah telah mendahului perawi-perawi lain dalam periwayatan hadis teknik dialog dan pemerian.

Kata kunci:

retorik penceritaan, hadis naratif, *Sahih al-Bukhari*, perawi.

Abstract

This study aims to identify the various rhetorical techniques of narration in the narrative hadith of *Sahih al-Bukhari* narrated by three selected narrators as the primary data of the study, namely: Aisyah binti Abu Bakr al-Siddiq, Abdullah bin Abbas and Anas bin Malik. This study is a qualitative study that uses descriptive analysis approach to analyze hadiths that use various narrative rhetorical techniques such as: portrayal (describe) technique, dialogue, testamentary technique and repetition technique found in *Sahih al-Bukhari*'s based on the theme of narration by discussing the variations of the themes that have influenced and shaped the narration techniques in the hadith narrated by them. This study has concluded that the narrative hadith of *Sahih al-Bukhari* uses rhetorical techniques of narrative such as portrayal, dialogue, repetition, and al-amthal. The study also found that three narration

¹ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA..

Corresponding Author:

NURHASMA MUHAMAD SAAD, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

*e-mel: nurhasma@usim.edu.my

techniques known as dialogue technique, portrayal technique and testamentary technique have dominated in hadith narration by the three selected narrators, while Aisyah r.a has preceded other narrators in dialogue and portrayal techniques.

Keywords:

rhetorical techniques of narration, narrative hadith, Sahih al-Bukhari, narrator.

Cite This Article:

Nurhasma Muhamad Saad, Yuslina Mohamed, Wan Moharani Mohammad, Muhammad Marwan Ismail & Zulkipli Md Isa. 2021. Teknik retorik penceritaan hadis naratif Sahih al-Bukhari berdasarkan perawi terpilih. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(3): 199-216.

Pengenalan

Keunikan sesebuah teks karya asli dalam sastera prosa bergantung kepada retorik kepelbagaian teknik penceritaan yang terdapat padanya dengan tujuan menarik perhatian dan penghayatan pembaca. Kepelbagaian teknik penceritaan juga telah terungkap dan tersemat di sebalik matan-matan hadis yang disusun oleh Imam al-Bukhari dalam kitabnya yang masyhur *Sahih al-Bukhari*.

Ensiklopedia *Sahih al-Bukhari* telah menghimpun ribuan hadis dari pelbagai genre gaya retorik yang dihipunkan daripada sabda baginda, perbuatan baginda, *taqrir* dan hal ehwal baginda SAW, maka dapatlah dinyatakan bahawa hadis Nabi telah disampaikan oleh Nabi dalam berbagai-bagai cara. Pertama, Nabi menyampaikan hadisnya secara lisan dan perbuatan di hadapan orang ramai di masjid pada waktu malam dan subuh. Kedua, terkadang Nabi menyampaikan hadisnya berupa teguran terhadap orang yang melakukan hal-hal yang bertentangan dengan syariat. Ketiga, Nabi menyampaikan hadisnya berupa jawapan atas pertanyaan dari para sahabat. Keempat, dengan cara seumpama permintaan penjelasan, membuat *taqrir* yang harus dicontohi perbuatan Nabi yang berkaitan ibadah harian dan sebagainya. Dengan demikian, kita dapati bahawa kebanyakan hadis baginda tidak sunyi dari retorik naratif yang disampaikan melalui teknik-teknik penyampaian yang menarik seperti dialog, pemerian, *al-amthal*, perulangan dan sebagainya yang telah ditransmisi oleh perawi-perawi yang *thiqah* seperti: Abu Hurairah, Abdullah bin Umar bin al-Khattab, Anas bin Malik, Aisyah Umm al-Mukminin, Abdullah bin Abbas, Jabir bin Abdullah dan Abu Said al-Khudri. Sementara itu, teknik penceritaan dalam hadis naratif ini telah digunakan pada kebanyakan tempat yang bertemakan peristiwa-peristiwa yang *natural* (semulajadi) seperti gambaran cara berwuduk yang ditunjuk oleh baginda SAW atau tidak *natural* (ghaib) seperti gambaran *masyhad* hari kiamat, perihal syurga dan neraka dan lain-lain.

Latar Belakang Kajian

Penelitian retorik penceritaan bermaksud mengkaji tentang keindahan yang terungkap dalam sesebuah karya sastera yang menggunakan kepelbagaian teknik penceritaan untuk menyampaikan cerita dengan lebih berkesan. Teknik penulisan amat penting kepada seseorang

pengarang untuk menulis karya kerana dengan menguasai teknik, seseorang pengarang dapat menyampaikan sesuatu perutusan atau motif dengan lebih halus dan berkesan. Walaupun kejayaan sesebuah karya bukan semata-mata bergantung kepada teknik penyampaian, akan tetapi dengan mengetahui teknik bererti seseorang pengarang itu dapat menentukan dengan berkesan dan munasabah bagaimana hendak mengatur dialog, mendeskripsi, monolog dalaman, arus kesedaran, imbas kembali, imbas muka (*flash forward and foreshadowing*) dan sebagainya. (S. Othman Kelantan 1996).

Justeru, pemilihan teknik penceritaan yang sesuai adalah penting untuk menyampaikan sesuatu mesej kepada pembaca. Tanpa menggunakan teknik yang sesuai sudah tentu pemikiran yang cuba disampaikan oleh pengarang menjadi kabur. Penggunaan teknik yang sesuai akan menghidupkan lagi mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang dan menarik minat pembaca untuk membaca sesebuah karya. Teknik dan isi kandungan dalam sesebuah karya adalah unsur yang penting. Ketidakeimbangan antara keduanya akan menjejaskan nilai dan mutu sesuatu karya. (Shannon, 1996)

Implimentasi teknik dan isi kandungan yang disernegikan bersama retorik bahasa tidak terhad kepada penulisan karya prosa novel sastera, persuratan dan pengucapan sahaja bahkan ia terdapat dalam matan-matan hadis baginda SAW yang diriwayatkan oleh perawi-perawi *thiqat*. Pada umumnya para sahabat Rasulullah SAW secara keseluruhannya menerima dan mendengar hadis daripada Rasulullah SAW, baik secara langsung dari baginda ataupun melalui perantara sahabat lain ketika yang tidak bersangkutan tidak hadir pada saat Rasulullah SAW menyampaikan hadis tersebut. Meskipun demikian, tidaklah semua sahabat mempunyai pengetahuan dan perbendaharaan hadis yang sama. Hal ini kerana ada di antara sahabat tersebut yang selalu atau sering mendampingi Rasulullah SAW dan ada yang tidak; demikian juga ada di antara mereka yang sangat cakna dengan hadis dan periwayatannya, dan ada yang bersikap tegas dan sangat berhati-hati dalam periwayatan hadis. Di antara para sahabat yang sering mendampingi Rasulullah SAW dan mempunyai kecaknaan yang tinggi terhadap hadis, terdapat sejumlah nama yang banyak menghafal dan mencatatnya serta selanjut meriwayatkannya, baik kepada sesama sahabat, dan terutama kepada generasi selanjutnya, iaitu generasi *Tabiin*.

Kebanyakan sahabat mempunyai perhatian yang besar terhadap hadis Nabi SAW, sehingga mereka menghafal dan bahkan ada yang menulisnya. Terdapat tujuh orang sahabat yang paling banyak menerima dan meriwayatkan hadis, sehingga mereka digelar dengan *al-Mukthirun fi al-Hadis*, mereka itu adalah Abu Hurairah, Abdullah bin Umar bin al-Khattab, Anas bin Malik, Aisyah Umm al-Mukminin, Abdullah bin Abbas, Jabir bin Abdullah dan Abu Said al-Khudri (al-Khatib, 1993)

Kajian ini memfokuskan kepada tiga perawi terkenal yang dijadikan data kajian untuk melihat kepelbagaian penyampaian menggunakan retorik teknik penceritaan dalam periwayatan hadis-hadis baginda SAW. Pemilihan perawi-perawi ini juga melalui proses seleksi khusus dan beberapa justifikasi yang dinyatakan dalam metodologi kajian secara terperinci.

Aisyah Ummul Mukminin

Nama penuh beliau ialah Aisyah binti Abu Bakr al-Siddiq, merupakan salah seorang isteri Rasulullah SAW dan beliau dinikahi Baginda pada bulan Syawal tahun kedua Hijrah, iaitu selepas tamat Perang Badar. Beliau satu-satunya isteri Rasulullah SAW yang dinikahi berstatus gadis. Aishah hidup bersama Rasulullah SAW selama lapan tahun lima bulan. (al-Salih, 1984, al-Khatib, 1993) Aisyah, adalah isteri Rasulullah SAW, puteri Abu Bakr as-Siddiq. Dia merupakan satu-satunya isteri Rasul SAW yang banyak meriwayatkan hadis. Beliau meninggal dunia pada tahun 57 Hijrah.

Aisyah seorang yang cerdas dan menguasai al-Quran dan hadis Rasulullah SAW, terutama yang berkaitan dengan permasalahan wanita, bahkan beliau juga seorang yang pakar dalam bidang fekah sehingga dianggap sebagai salah seorang *fuqaha* sahabat. Dalam hal ini Urwah berkata: “Saya tidak melihat seorang yang lebih mengetahui tentang al-Quran dengan berbagai-bagai penentuannya menyangkut halal dan haram, tentang syair dan juga mengenai hadis, dari Aisyah” (al-Khatib, 1993). Tentang kelebihan ilmunya, Ibn Syihab az-Zuhri pernah berkata: “Jika ilmu isteri-isteri Rasul SAW dikumpulkan ditambah ilmu wanita-wanita lainnya, tentu tidak akan dapat mengungguli ilmu Aisyah. Tidak ada sahabat yang sependai Aisyah dalam hal mengetahui diturunkannya ayat-ayat al-Quran, hal-hal yang diwajibkan dan yang disunahkan, peristiwa-peristiwa penting dan salasilah keturunan.

Abdullah bin Abbas

Abdullah bin Abbas atau biasa disebut juga dengan Ibn Abbas. Beliau adalah Abdullah bin Abbas bin Abdul Mutilib bin Abdul Manaf al-Qurasyi al-Hashimi, anak bapa saudara Rasulullah SAW. Ibunya ialah Ummu Fadl Lubabah binti Harith al-Hilaliyah, saudara perempuan dari Maimunah binti Harith, isteri Rasulullah SAW. (al-Suyuti, 1995) Ibn Abbas lahir pada tahun tiga sebelum Hijrah di Syi’ab,, Mekah iaitu ketika Bani Hashim sedang diasingkan dan dipulaukan oleh kaum *Musyrikin.Quraisy* di sana. Ketika Rasulullah SAW wafat, Ibn Abbas berusia tiga belas tahun. Semasa Rasulullah SAW masih hidup baginda mendoakan Ibn Abbas agar diberi Allah hikmah, pemahaman terhadap agama, dan kemampuan dalam mentakwil. Doa Rasulullah SAW tersebut telah dimakbulkan Allah, sehingga Ibn Abbas menjadi seorang *mufassir*, dan seorang *muhaddith* yang memiliki koleksi hadis yang banyak. (al-Khatib 1993, al-Salih, 1984). Beliau dilahirkan tiga tahun sebelum hijrah, dan meninggal dunia di Taif tahun 68 Hijrah.

Menyentuh tentang keperibadian dan kelebihan Ibn Abbas RA, di antaranya disebutkan, bahawa Rasulullah SAW pernah mendoakannya, yang dikabulkan oleh Allah SWT, dengan doanya: (اللهم فقهه في الدين وعلمه التأويل). Ubaidullah bin Abdullah bin Utbah pernah berkata, bahawa pengetahuan Ibn Abbas dalam bidang fiqh, tafsir al-Quran, bahasa Arab, syair, ilmu hisab, dan ilmu waris, tidak ada yang mengungguli.

Ibn Abbas menguasai pelbagai disiplin ilmu yang berkembang dan diperlukan pada zamannya, sehingga dalam mengajarkan ilmu-ilmu tersebut, dia mengkhususkan hari-hari tertentu untuk bidang-bidang tertentu, seperti satu hari untuk bidang feqah, hari berikutnya untuk bidang tafsir, dan hari lainnya untuk sejarah, puisi, dan lainnya. Pada musim haji jumlah

peserta yang mengikuti kuliahnya lebih banyak, bahkan beliau menggunakan seorang penterjemah untuk melayani pertanyaan-pertanyaan yang datang daripada non-Arab. (Azami, 1978, al-Salih, 1984)

Dalam masa hidupnya, selain menekuni ilmu pengetahuan dan mengajarkannya, Ibn Abbas juga pernah diberi kepercayaan oleh Khalifah Ali r.a menjadi gabenor di Basrah, namun dia meninggalkan tugas tersebut sebelum Ali terbunuh dan selanjutnya dia kembali ke Mekah. Ibn Abbas meninggal dunia di Taif pada tahun 68 Hijrah. (al-Salih, 1984, al-Khatib, 1993)

Anas bin Malik

Nama lengkapnya ialah Anas bin Malik bin Nadhr bin Damdam bin al-Ansari al-Khazraji al-Najjari. Ketika Rasulullah berhijrah ke Madinah, Anas baru berusia sepuluh tahun. Ibunya, Ummu Sulaim, menyerahkan Anas kepada Rasulullah SAW agar dapat berkhidmat kepada Rasul. Anas kemudian tumbuh dan besar bersama Rasulullah SAW, dan ia berkhidmat dengan Rasulullah selama sepuluh tahun. (al-Khatib 1993, al-Salih, 1973)

Anas bin Malik dilahirkan pada tahun 10 sebelum hijrah, dan wafat Ibn Hajar al-Asqalani dan wafat pada tahun 93 Hijrah di Basrah (menurut Qatadah tahun 91 dan menurut Wahab bin Jarir tahun 95): Anas bin Malik, adalah sahabat wafat terakhir di kota ini. (al-Asqalani, 1995)

Anas adalah seorang sahabat yang terkenal warak, banyak ibadatnya, dan sedikit bicaranya, sehingga Abu Hurairah pernah berkomentar tentang Anas: “Saya tidak melihat seseorang yang ibadat solatnya menyerupai solat Rasulullah SAW selain Ibn Umm Sulaim, iaitu Anas.” Pada zaman Abu Bakar, Anas ditugaskan sebagai amil zakat di Bahrain, dan selanjutnya Anas menetap di Basrah sehingga meninggal dunia pada tahun 93 Hijrah. Beliau adalah sahabat terakhir yang meninggal di Basrah. (al-Khatib, 1993)


Metodologi

Kajian ini adalah kajian analisis diskriptif kolerasi teknik naratif dan narator dalam ensiklopedia *Sahih al-Bukhari* yang diriwayatkan oleh tiga perawi utama, iaitu Aisyah r.a, Ibn Abbas r.a dan Anas bin Malik r.a sebagai korpus kajian. Pemilihan tiga perawi utama ini berdasarkan kepada hubungan mereka yang sangat rapat dengan Rasulullah SAW, Aisyah r.a adalah isteri Nabi SAW, Ibn Abbas r.a sepupu Nabi SAW dan Anas bin Malik pembantu peribadi Nabi SAW yang berkhidmat dengan Nabi SAW selama sepuluh tahun. Hadis-hadis diekstrak dari ensiklopedia *Sahih al-Bukhari* di laman sesawang www.bukhari-pedia.net dengan menggunakan kata carian nama perawi utama iaitu Aisyah, Anas dan Ibn Abbas. Seterusnya mengklasifikasi hadis berdasarkan teknik-teknik penceritaan yang digunakan di dalamnya dijalankan berdasarkan tema periwayatan hadis.

Data kajian dikumpul dari hadis-hadis naratif dalam *Sahih al-Bukhari* yang diriwayatkan oleh tiga perawi utama dan terpilih. Kajian ini dibataskan kepada aspek yang dikaji iaitu teknik retorik penceritaan yang terdapat dalam hadis naratif terpilih untuk melihat

kecenderungan perawi-perawi terhadap teknik-teknik penceritaan yang digunakan oleh baginda Rasulullah SAW dalam tindakan dan tutur katanya.

Gambar rajah di bawah menjelaskan perkaitan di antara perawi-perawi yang terpilih, teknik dan hadis natarif yang menjadi asas kepada metodologi kajian ini.



Gambar rajah perkaitan kandungan sumber kajian

Analisis Data dan Perbincangan

Kajian ini akan membincangkan tema dan teknik penceritaan yang terdapat dalam hadis naratif secara inklusif. Dalam penceritaan hadis naratif tema dan teknik mempunyai perkaitan yang langsung. Berdasarkan tema atau latar belakang peristiwa sesuatu perkara dalam hadis naratif, perawi dapat menentukan teknik yang bersesuaian yang digunakan sebagai salah satu bentuk komunikasi penyampaian yang baik. Dengan demikian, pengkaji membincangkan tema-tema hadis naratif yang diriwayatkan oleh perawi terpilih berpandukan peristiwa yang berlaku yang diceritakan oleh perawi.

Tema dalam Hadis Naratif Riwayat Perawi Terpilih

Tema boleh diertikan sebagai persoalan utama dalam sesebuah karya kesusasteraan. Dari tema ini timbul motif, perutusan dan persoalan-persoalan lain. Tema merupakan persoalan utama iaitu *central idea* sama ada diucapkan secara langsung atau tidak langsung (Cuddon 1977). Tema juga adalah konsep yang abstrak yang dilahirkan melalui watak, aksi dan imej di dalam sesebuah karya kesusasteraan (Thrall & Holman 1960).

Tema itu ialah persoalan dan idea utama yang telah dipilih dengan teliti oleh pengarang untuk diterapkan dalam karyanya. M. Saleh Saad (Lukman, 1967) menyebut bahawa “Tema adalah sesuatu yang menjadi fikiran, sesuatu yang menjadi persoalan bagi pengarang. Di dalamnya terbayang pandangan hidup atau cita-cita pengarang: bagaimana ia melihat persoalan

itu. Persoalan inilah yang dihadirkan pengarang. Kadang-kadang atau sering juga dengan pemecahannya sekali gus. Pemecahan inilah yang diistilahkan dengan amanat. Jadi, sesungguhnya ada sesuatu yang hendak dikatakan pengarang, baik positif ataupun negatif, bukan hanya sebtimentalitas belaka”.

Penerapan dan penampilan tema dalam sesebuah karya akan menentukan tarikan atau mendorong pembaca untuk menikmatinya dengan penuh perhatian. Pengemukaan tema baru yang mungkin belum ada dalam karya-karya sebelumnya, akan mendorong pembaca dan malah penilai untuk menikmatinya dan mengkajinya sebagai sesuatu yang menarik dan menyimpang dari kebiasaan. Bagi pengarang yang luas visinya akan menerapkan tema-tema baru itu dengan cara yang menarik serta memberi penekanan yang mendalam, akan menarik perhatian pembaca dan penilai.

Dengan demikian, nyata bahawa idea yang menjadi tema itu bergantung kepada renungan yang kreatif dari pengarang. Pengarang yang kritis dan kreatif akan sentiasa mencari dan menemui tema-tema baru untuk dikemukakan di dalam karyanya. Ini kerana tema yang menarik itu bukan saja mendorong pembaca dan pengkaji, tetapi juga memperlihatkan kekayaan bahan dan pemikiran yang kompleks. Ia juga menunjukkan adanya idea dan keupayaan pengarang yang kompleks dalam menumpahkan keintelektualannya. Dari pemilihan tema yang besar, baru dan menarik itu akan menentukan juga keberhasilan karya-karya itu di dalam mengolah unsur-unsur lain.

Tema hadis naratif yang diriwayatkan oleh Aisyah banyak menyentuh fekah ibadat seperti berwuduk, tayamum, cara melaksanakan solat, solat-solat sunat seperti solat sunat sebelum subuh, solat sunat gerhana, fekah kewanitaian seperti haid dan *nifas*, mandi wajib sesudah haid, solat dan haji wanita dalam keadaan haid, cara ibadat haji dan umrah bagi wanita, fekah kekeluargaan yang berkaitan dengan pasangan suami isteri seperti mandi junub, peristiwa-peristiwa penting seperti cara penurunan wahyu kepada Nabi SAW, saat terakhir sebelum Nabi SAW wafat, doa-doa yang baik, siksaan kubur, dan banyak lagi. Latar tempat hadis yang diriwayatkan Aishah r.a ialah di rumahnya di Madinah , di Mekah semasa menunaikan haji dan umrah. Manakala latar masa pula meliputi waktu siang dan malam.

حَدَّثَنَا مُحَمَّدٌ، قَالَ: حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ: حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ: عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: جَاءَتْ فَاطِمَةُ ابْنَةُ أَبِي حُبَيْشٍ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي امْرَأَةٌ أُسْتَحَاضُ فَلَا أَطْهَرُ، أَفَأَدْعُ الصَّلَاةَ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَا؛ إِنَّمَا ذَلِكَ عِرْقٌ، وَلَيْسَ بِحَيْضٍ، فَإِذَا أَقْبَلْتَ حَيْضَتُكَ فَدَعِي الصَّلَاةَ، وَإِذَا أَدْبَرَتْ فَاعْسِلِي عَنْكَ الدَّمَ، ثُمَّ صَلِّي». قَالَ: وَقَالَ أَبِي: «ثُمَّ تَوَضَّئِي لِكُلِّ صَلَاةٍ، حَتَّى يَجِيءَ ذَلِكَ الْوَقْتُ».

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ، قَالَ: أَخْبَرَنَا مَالِكٌ، عَنْ هِشَامٍ، عَنْ أَبِيهِ: عَنْ عَائِشَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا اغْتَسَلَ مِنَ الْجَنَابَةِ، بَدَأَ فَعَسَلَ يَدَيْهِ، ثُمَّ يَتَوَضَّأُ كَمَا يَتَوَضَّأُ لِلصَّلَاةِ، ثُمَّ يُدْخِلُ أَصَابِعَهُ فِي الْمَاءِ، فَيُخَلِّلُ بِهَا أَصُولَ شَعْرِهِ، ثُمَّ يَصُبُّ عَلَى رَأْسِهِ ثَلَاثَ غُرَفٍ بِيَدَيْهِ، ثُمَّ يُفِيضُ الْمَاءَ عَلَى جُلْدِهِ كُلِّهِ.

Manakala hadis naratif yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas berkaitan dengan perbuatan (ibadat) utama iaitu: solat seperti solat fardu, solat malam, solat hari raya, *qasar* dan *jamak* solat semasa permusafiran, solat jenazah di kuburan, haji dan umrah seperti *miqat*, bulan haji, permulaan talbiah, umrah pada musim haji, tawaf, *saie*, *bertahallul*, pengurusan jenazah dalam

ihram, larangan haji, badal haji, mahram bagi wanita semasa menunaikan haji dan umrah, cara bacaan al-Quran, pengurusan harta pusaka, *asbab nuzul*, haram memakan bangkai, amalan sedekah kepada si mati. Ibn Abbas juga ada meriwayatkan hadis berkaitan dengan bangsa Quraisy, kaum Musyrikin Mekah. Latar yang menjadi tempat berlakunya peristiwa dalam periwayatan hadis Ibn Abbas seperti di rumah ibu saudaranya Maimunah, medan perang Badar, Uhud, Hunain, pembukaan Kota Mekah, Madinah, dalam perjalanan dari Madinah ke Mekah, pasar terkenal Ukaz. Manakala latar masa dalam hadis pula ialah latar masa seperti waktu malam (di rumah Maimunah) dan di kuburan, waktu pagi, tengahari dan petang.

حَدَّثَنَا عَبْدَانُ، قَالَ: أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ، قَالَ: أَخْبَرَنَا يُونُسُ عَنْ الزُّهْرِيِّ (ح) _ وَحَدَّثَنَا بِشْرُ بْنُ مُحَمَّدٍ، قَالَ: أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ، قَالَ: أَخْبَرَنَا يُونُسُ وَمَعْمَرٌ عَنْ الزُّهْرِيِّ تَحْوَهُ _ قَالَ: أَخْبَرَنِي عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجُودَ النَّاسِ، وَكَانَ أَجُودَ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ جِئْنَ يَلْفَاهُ جَبْرِيْلُ، وَكَانَ يَلْفَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ، فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجُودُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ.

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مَحْبُوبٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ، قَالَ: حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ، عَنْ سَالِمِ بْنِ أَبِي الْجَعْدِ، عَنْ كُرَيْبِ مَوْلَى ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَتْ مَيْمُونَةُ: وَضَعْتُ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَاءً يَغْتَسِلُ بِهِ، فَأَفْرَغَ عَلَى يَدَيْهِ، فَغَسَلَهُمَا مَرَّتَيْنِ مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثًا، ثُمَّ أَفْرَغَ بِيَمِينِهِ عَلَى شِمَالِهِ، فَغَسَلَ مَذَاكِيرَهُ، ثُمَّ ذَلِكَ يَدَهُ بِالْأَرْضِ، ثُمَّ مَضَمَضَ وَاسْتَنْشَقَ، ثُمَّ غَسَلَ وَجْهَهُ وَيَدَيْهِ، وَغَسَلَ رَأْسَهُ ثَلَاثًا، ثُمَّ أَفْرَغَ عَلَى جَسَدِهِ، ثُمَّ تَنَحَّى مِنْ مَقَامِهِ، فَغَسَلَ قَدَمَيْهِ.

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ أَبِي جَمْرَةَ: عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَدِمَ وَقَدْ عَدِيَ الْقَيْسُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالُوا: إِنَّا مِنْ هَذَا الْحَيِّ مِنْ رِبْعَةٍ، وَلَسْنَا نَصِلُ إِلَيْكَ إِلَّا فِي الشَّهْرِ الْحَرَامِ، فَمَرْنَا بِشَيْءٍ نَأْخُذُهُ عَنْكَ، وَنَدْعُو إِلَيْهِ مِنْ وَرَاعِنَا. فَقَالَ: «أَمْرُكُمْ بِأَرْبَعٍ، وَأَنْهَاكُمْ عَنْ أَرْبَعٍ: الْإِيمَانُ بِاللَّهِ». ثُمَّ قَسَرَهَا لَهُمْ: «شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّي رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامُ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ، وَأَنْ تُؤَدُّوا إِلَيَّ خُمْسَ مَا غَنِمْتُمْ، وَأَنْتَهَى عَنِ الذُّبَاءِ وَالْحَنْنَمِ وَالْمُقِيرِ وَالنَّفِيرِ».

Tema hadis naratif yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik banyak berkisar tentang ibadat seperti berwuduk (cara berwuduk, berwuduk setiap kali solat), bersuci dengan air, suami isteri, solat berjemaah, perang Mu'tah, perang Khaibar, pokok dan sungai di syurga, sifat fizikal Nabi SAW, kelebihan Aishah r. a, kelebihan dan keberkatan Madinah, keutamaan dan kelebihan kaum Ansar, mukjizat Nabi SAW dan doa-doa yang baik. Selalunya hadis-hadis ini mempunyai latar tempat seperti di masjid, Bukit Uhud, medan perang dan sebagainya. Manakala latar masa pula pagi, tengahari, petang dan malam.

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُنِيرٍ، سَمِعَ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ بَكْرٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا حُمَيْدٌ: عَنْ أَنَسٍ، قَالَ: حَضَرَتِ الصَّلَاةُ، فَقَامَ مَنْ كَانَ قَرِيبَ الدَّارِ إِلَى أَهْلِهِ، وَبَقِيَ قَوْمٌ، فَأَتَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَخْضَبٍ مِنْ جَارَةٍ فِيهِ مَاءٌ، فَصَغَرَ الْمَخْضَبُ أَنْ يَبْسُطَ فِيهِ كَفَّهُ، فَتَوَضَّأَ الْقَوْمُ كُلُّهُمْ. قُلْنَا: كَمْ كُنْتُمْ؟ قَالَ: ثَمَانِينَ وَزِيَادَةً. حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ، قَالَ: حَدَّثَنَا يَحْيَى، عَنْ شُعْبَةَ، عَنْ قَتَادَةَ: عَنْ أَنَسٍ قَالَ: لَأَحَدِنْتُكُمْ حَبِيبًا لَا يُحَدِّثُكُمْ أَحَدٌ بَعْدِي، سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «مَنْ أَشْرَاطُ السَّاعَةِ أَنْ يَقِلَّ الْعِلْمُ، وَيَطْهَرَ الْجَهْلُ، وَيَطْهَرَ الرِّئَاءُ، وَتَكْثُرَ النِّسَاءُ، وَيَقِلَّ الرِّجَالُ، حَتَّى يَكُونَ لِخَمْسِينَ امْرَأَةً الْقَيْمُ الْوَاحِدُ».

Teknik Retorik Penceritaan Hadis Naratif dalam *Sahih al-Bukhari* Riwayat Perawi Terpilih

al-Quran dan hadis merupakan sumber utama bagi kesusasteraan Islam. Ini kerana ia menentukan batas atau ciri kesusasteraan Islam dan bukan Islam serta keindahan bahasa. Al-Quran dan hadis juga mempunyai semua prinsip utama ajaran Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak. Ia menjadi sumber dan rujukan serta memperkukuhkan lagi asas dan tunjang kesusasteraan Islam. (Mustafa, 1994)

Untuk menimbulkan keindahan berbahasa atau estetika, pengarang atau penulis itu akan menggunakan kepelbagaian teknik. Penggunaan teknik yang sesuai adalah penting untuk melihat sama ada pengarang itu Berjaya atau tidak menghasilkan sesebuah karya yang baik. Bagi menghasilkan sesebuah karya yang menarik dan menawan minat pembaca, seseorang pengarang haruslah mempelbagaikan teknik penceritaan di dalam sesebuah karya. Antara teknik penceritaan yang sering digunakan ialah teknik pemerian, teknik dialog, teknik perulangan dan sebagainya.

Fatimah (2003) mendefinisikan teknik penceritaan ialah elemen-elemen yang membantu pengarang dalam membina ceritanya. Teknik penceritaan ini dapat menunjukkan kreativiti pengarang dalam mempelbagaikan gaya dalam menyampaikan ceritanya. Antara teknik penceritaan ialah dialog, monolog, pemerian, imbas kembali, imbas muka dan sebagainya. (<https://prpm.dbp.gov.my> 7/6/2021). Teknik ini juga ialah cara pengarang mempersembahkan karyanya agar menjadi lebih menarik dan berkesan. Dengan adanya penggunaan teknik penceritaan, seseorang pengarang itu dapat mendedahkan atau membuat jalan cerita dengan lebih terperinci dalam sesebuah karya.

al-Quran dan hadis menonjolkan pelbagai teknik penceritaan yang merupakan kalam Allah dan Rasul-Nya yang amat tinggi mutunya dan merupakan susunan kata-kata yang mengandungi pengertian yang amat mendalam dan penuh dengan unsur-unsur peringatan dan amaran kepada sekalian manusia.

Teknik penceritaan yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis amat berbeza dengan teknik penceritaan yang terdapat di dalam sesebuah karya sastera. Antara teknik-teknik penceritaan yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis ialah seperti teknik dialog, pengisahan atau penceritaan, gabungan teknik dialog, pengisahan atau perulangan dan lain-lain lagi. Perbezaan ini disebabkan al-Quran dan hadis merupakan karya seni yang amat sempurna atau lebih tepat dinamakan prosa mutlak (al-Quran) (Talib, 2002). Menurut Sayyed Hoessin Nasr (1997) dan Ismail al-Faruqi (1973), al-Quran (dan hadis) mempunyai seni pengisahan dan teknik penceritaan yang indah, boleh dipadatkan dan dirumuskan seperti berikut:

Teknik Pemerian

Teknik pemerian ialah satu teknik penceritaan yang digunakan dalam hadis naratif *Sahih al-Bukhari* selari dengan dasar-dasar teori naratif Melayu tradisional, teori naratif Islam dan teori naratif Barat (naratologi). Teknik pemerian (deskripsi) diaplikasikan bagi menggambarkan sesuatu dengan lebih terperinci dan sangat berguna untuk melukiskan suasana latar, peristiwa,

masa dan perincian diri watak-watak yang mendukung sesuatu perjalanan cerita. Teknik ini merupakan antara teknik dominan yang terdapat dalam hadis *Sahih al-Bukhari*. Teknik ini menjadi variasi yang menarik dalam hadis. Antara contoh yang boleh didapati dalam hadis *Sahih al-Bukhari* ialah:

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا اللَّيْثُ، قَالَ: حَدَّثَنِي عُقَيْلٌ، عَنْ ابْنِ شِهَابٍ، عَنْ عُرْوَةَ: عَنْ عَائِشَةَ: أَنَّ أَرْوَاجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُنَّ يَخْرُجْنَ بِاللَّيْلِ إِذَا تَبَرَّزْنَ إِلَى الْمَنَاصِعِ، وَهُوَ صَعِيدٌ أَفْيَحٌ، فَكَانَ عُمَرُ يَقُولُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: احْجُبْ نِسَاءَكَ. فَلَمْ يَكُنْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَفْعَلُ، فَخَرَجَتْ سَوْدَةُ بِنْتُ زَمْعَةَ، زَوْجُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، لَيْلَةً مِنَ اللَّيَالِي عِشَاءً، وَكَانَتْ امْرَأَةً طَوِيلَةً، فَنَادَاهَا عُمَرُ: أَلَا قَدْ عَرَفْنَاكَ يَا سَوْدَةُ. جَرِصًا عَلَى أَنْ يُنْزَلَ الْحِجَابُ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ آيَةَ الْحِجَابِ.

Hadis ini menceritakan tentang para isteri Nabi SAW dan para sahabat sentiasa menghormati isteri-isteri Nabi SAW. Islam telah mengangkat kedudukan perempuan sehingga menjaga mereka daripada segala macam fitnah. Tuntutan memakai hijab kepada semua perempuan Islam kerana isteri-isteri Nabi SAW juga diperintahkan berbuat demikian. Hadis ini adalah tentang bab wanita keluar membuang air besar pada waktu malam (Jawiah et al, 2017). Penggunaan teknik pemerian dalam hadis ini bertujuan menjelaskan latar tempat (tanah lapang) dan latar masa (waktu malam).

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ، قَالَ: أَخْبَرَنَا مَالِكٌ، عَنْ إِسْحَاقَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي طَلْحَةَ: عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّهُ قَالَ: رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَحَانَتْ صَلَاةُ الْعَصْرِ، فَالْتَمَسَ النَّاسُ الْوُضُوءَ فَلَمْ يَجِدُوهُ، فَأَتَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِوُضُوءٍ، فَوَضَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي ذَلِكَ الْإِنَاءِ يَدَهُ، وَأَمَرَ النَّاسَ أَنْ يَتَوَضَّؤُوا مِنْهُ، قَالَ: فَرَأَيْتُ الْمَاءَ يَنْبُعُ مِنْ تَحْتِ أَصَابِعِهِ، حَتَّى تَوَضَّؤُوا مِنْ عَبْدِ آخِرِهِمْ.

Hadis ini adalah bab mencari air apabila tiba waktu solat. Teknik pemerian dalam hadis ini bertujuan menjelaskan peristiwa berwuduk apabila masuk waktu solat dan mukjizat Rasulullah SAW iaitu terpancar air dari celah jari jemari baginda. Para sahabat berwuduk daripada air yang keluar daripada celah jari jemari baginda dan Nabi SAW mengajarkan para sahabat supaya berwuduk menggunakan air yang sedikit. (Jawiah et al, 2017)

حَدَّثَنَا آدَمُ، قَالَ: حَدَّثَنَا شُعْبَةُ، قَالَ: حَدَّثَنَا الْحَكَمُ، قَالَ: سَمِعْتُ سَعِيدَ بْنَ جُبَيْرٍ: عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: بَثُّ فِي بَيْتِ خَالَتِي مَيْمُونَةَ بِنْتِ الْحَارِثِ، زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَهَا فِي لَيْلَتِهَا، فَصَلَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعِشَاءَ، ثُمَّ جَاءَ إِلَى مَنْزِلِهِ، فَصَلَّى أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ، ثُمَّ نَامَ، ثُمَّ قَامَ، ثُمَّ قَالَ: «نَامَ الْغُلَامُ؟» أَوْ كَلِمَةً تُشَبِّهُهَا، ثُمَّ قَامَ، فَقُمْتُ عَنْ يَسَارِهِ، فَجَعَلَنِي عَنْ يَمِينِهِ، فَصَلَّى خَمْسَ رَكَعَاتٍ، ثُمَّ صَلَّى رَكَعَتَيْنِ، ثُمَّ نَامَ، حَتَّى سَمِعْتُ غَطِيطَهُ _ أَوْ خَطِيطَهُ _ ثُمَّ خَرَجَ إِلَى الصَّلَاةِ.

Penggunaan teknik pemerian dalam hadis riwayat Ibn Abbas ini bertujuan menjelaskan latar tempat (rumah Maimunah), latar masa (malam hari) dan peristiwa (Nabi solat pada waktu malam).

Teknik pemerian diakui berkesan dalam menggambarkan lukisan latar tempat, latar masa, latar budaya, latar peralatan, watak dan perwatakan, dan pergolakan batin watak-watak yang terlibat dalam sesebuah naratif.

Teknik Dialog

Teknik dialog yang terdapat di dalam hadis naratif *Sahih al-Bukhari* terbahagi kepada beberapa bentuk dan ia amat berbeza dengan teknik dialog yang terdapat di dalam sesebuah karya kesusasteraan. Antara teknik dialog yang menonjol terdapat di dalam hadis naratif *Sahih al-Bukhari* ialah:

- i. Dialog Rasulullah SAW dengan Malaikat Jibril a.s
- ii. Dialog Rasulullah SAW dengan para sahabat
- iii. Dialog Rasulullah SAW dengan *sahabiyyah*
- iv. Dialog sahabat dengan sahabat yang lain
- v. Dialog Rasulullah SAW dengan orang kafir

Penggunaan teknik dialog ini ada kalanya menggunakan teknik dialog yang panjang dan adakalanya menggunakan teknik dialog yang pendek.

Dialog Rasulullah SAW dengan Malaikat Jibril a.s

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا اللَّيْثُ، عَنْ يُونُسَ، عَنْ ابْنِ شِهَابٍ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: كَانَ أَبُو ذَرٍّ يُحَدِّثُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «فَرَجَ عَنْ سَفْفِ بَيْتِي وَأَنَا بِمَكَّةَ، فَنَزَلَ جِبْرِيلُ، فَفَرَجَ صَدْرِي، ثُمَّ غَسَلَهُ بِمَاءٍ زَمْزَمَ، ثُمَّ جَاءَ بِطُسْتٍ مِنْ ذَهَبٍ، مُمْتَلِئٍ حِكْمَةً وَإِيمَانًا، فَأَقْرَعَهُ فِي صَدْرِي، ثُمَّ أَطْبَقَهُ، ثُمَّ أَخَذَ بِيَدِي فَعَرَجَ بِي إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا، فَلَمَّا جِئْتُ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا، قَالَ جِبْرِيلُ لِحَاظِنِ السَّمَاءِ: افْتَحْ. قَالَ: مَنْ هَذَا؟ قَالَ: هَذَا جِبْرِيلُ. قَالَ: هَلْ مَعَكَ أَحَدٌ؟ قَالَ: نَعَمْ، مَعِيَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَقَالَ: أُرْسِلْ إِلَيْهِ؟ قَالَ: نَعَمْ. فَلَمَّا فَتَحَ عَلُونَا السَّمَاءَ الدُّنْيَا، فَإِذَا رَجُلٌ قَاعِدٌ، عَلَى يَمِينِهِ أَسْوَدَةٌ، وَعَلَى يَسَارِهِ أَسْوَدَةٌ، إِذَا نَظَرَ قَبْلَ يَمِينِهِ ضَجَّكَ، وَإِذَا نَظَرَ قَبْلَ يَسَارِهِ بَكَى، فَقَالَ: مَرْحَبًا بِالنَّبِيِّ الصَّالِحِ وَالْإِبْنِ الصَّالِحِ. قُلْتُ لَجِبْرِيلَ: مَنْ هَذَا؟ قَالَ: هَذَا آدَمُ، وَهَذِهِ الْأَسْوَدَةُ عَنْ يَمِينِهِ وَشِمَالِهِ نَسَمَ بَنِيهِ، فَأَهْلُ الْيَمِينِ مِنْهُمْ أَهْلُ الْجَنَّةِ، وَالْأَسْوَدَةُ الَّتِي عَنْ شِمَالِهِ أَهْلُ النَّارِ، فَإِذَا نَظَرَ عَنْ يَمِينِهِ ضَجَّكَ، وَإِذَا نَظَرَ قَبْلَ شِمَالِهِ بَكَى. حَتَّى عَرَجَ بِي إِلَى السَّمَاءِ الثَّانِيَةِ، فَقَالَ لِحَاظِنِهَا: افْتَحْ. فَقَالَ لَهُ خَازِنُهَا مِثْلُ مَا قَالَ الْأَوَّلُ، فَفَتَحَ. قَالَ أَنَسُ: فَذَكَرَ أَنَّهُ وَجَدَ فِي السَّمَوَاتِ آدَمَ، وَإِدْرِيسَ، وَمُوسَى، وَعِيسَى، وَإِبْرَاهِيمَ، صَلَوَاتُ اللَّهِ عَلَيْهِمْ، وَلَمْ يُثَبِّتْ كَيْفَ مَنَازِلَهُمْ، غَيْرَ أَنَّهُ ذَكَرَ: أَنَّهُ وَجَدَ آدَمَ فِي السَّمَاءِ الدُّنْيَا، وَإِبْرَاهِيمَ فِي السَّمَاءِ السَّائِسَةِ، قَالَ أَنَسُ: فَلَمَّا مَرَّ جِبْرِيلُ بِالنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِإِدْرِيسَ، قَالَ: مَرْحَبًا بِالنَّبِيِّ الصَّالِحِ وَالْأَخِ الصَّالِحِ. «فَقُلْتُ: مَنْ هَذَا؟ قَالَ: هَذَا إِدْرِيسُ. ثُمَّ مَرَرْتُ بِمُوسَى، فَقَالَ: مَرْحَبًا بِالنَّبِيِّ الصَّالِحِ وَالْأَخِ الصَّالِحِ. قُلْتُ: مَنْ هَذَا؟ قَالَ: هَذَا مُوسَى. ثُمَّ مَرَرْتُ بِعِيسَى، فَقَالَ: مَرْحَبًا بِالنَّبِيِّ الصَّالِحِ وَالْأَخِ الصَّالِحِ. قُلْتُ: مَنْ هَذَا؟ قَالَ: هَذَا عِيسَى، ثُمَّ مَرَرْتُ بِإِبْرَاهِيمَ، فَقَالَ: مَرْحَبًا بِالنَّبِيِّ الصَّالِحِ وَالْإِبْنِ الصَّالِحِ. قُلْتُ: مَنْ هَذَا؟ قَالَ: هَذَا إِبْرَاهِيمُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.»

Dialog Rasulullah SAW dengan para sahabat

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى، قَالَ: حَدَّثَنَا يَحْيَى، عَنْ هِشَامٍ، قَالَ: أَخْبَرَنِي أَبِي عَنْ عَائِشَةَ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ عَلَيْهَا وَعِنْدَهَا امْرَأَةٌ، قَالَ: «مَنْ هَذِهِ؟» قَالَتْ: فَلَانَةُ. تَذَكَّرُ مِنْ صَلَاتِهَا، قَالَ: «مَهْ، عَلَيْكُمْ بِمَا تُطِيقُونَ، فَوَاللَّهِ لَا يَمَلُ اللَّهُ حَتَّى تَمْلُؤَا.» وَكَانَ أَحَبَّ الدِّينِ إِلَيْهِ مَا دَاوَمَ عَلَيْهِ صَاحِبُهُ.

Hadis ini adalah bab sebaik-baik ibadat di sisi Allah SWT ialah yang berterusan. Hadis ini menggunakan teknik dialog antara Nabi SAW dan isteri baginda iaitu Aisyah a.s. Pengajaran

hadis ini ialah menggalakkan supaya seseorang beribadat mengikut kadar kemampuan diri. Amalan yang sedikit tetapi dilakukan secara berterusan lebih baik daripada amalan yang banyak tetapi akhirnya ditinggalkan.

وَقَالَ إِبْرَاهِيمُ عَنْ عَبْدِ الْعَزِيزِ بْنِ صُهَيْبٍ: عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَالٍ مِنَ الْبَحْرَيْنِ، فَقَالَ: «انْثُرُوهُ فِي الْمَسْجِدِ». وَكَانَ أَكْثَرَ مَالٍ أَتَى بِهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَخَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الصَّلَاةِ وَلَمْ يَلْتَفِتْ إِلَيْهِ، فَلَمَّا قَضَى الصَّلَاةَ جَاءَ فَجَلَسَ إِلَيْهِ، فَمَا كَانَ يَرَى أَحَدًا إِلَّا أَعْطَاهُ، إِذْ جَاءَهُ الْعَبَّاسُ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَعْطِنِي؛ فَإِنِّي فَادَيْتُ نَفْسِي وَفَادَيْتُ عَقِيلًا. فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «خُذْ». فَحَنَّا فِي ثَوْبِهِ، ثُمَّ ذَهَبَ يَقُولُ فَلَمْ يَسْتَطِعْ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَوْمُرْ بَعْضَهُمْ بِرَفْعِهِ إِلَيَّ. قَالَ: «لَا». قَالَ: فَارْفَعُهُ أَنْتَ عَلَيَّ. قَالَ: «لَا». فَتَنَزَّ مِنْهُ، ثُمَّ ذَهَبَ يَقُولُ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَوْمُرْ بَعْضَهُمْ بِرَفْعِهِ عَلَيَّ. قَالَ: «لَا». قَالَ: فَارْفَعُهُ أَنْتَ عَلَيَّ. قَالَ: «لَا». فَتَنَزَّ مِنْهُ، ثُمَّ اخْتَمَلَهُ فَأَلْفَاهُ عَلَى كَاهِلِهِ، ثُمَّ انْطَلَقَ، فَمَا زَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُثْبِعُهُ بَصَرَهُ حَتَّى خَفِيَ عَلَيْهِ؛ عَجَبًا مِنْ جِرْصِهِ، فَمَا قَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَمَّ مِنْهَا دِرْهَمٌ.

Dialog Rasulullah SAW dengan *sahabiyah* (sahabat wanita)

حَدَّثَنَا مُحَمَّدٌ، قَالَ: حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ: حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ: عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: جَاءَتْ فَاطِمَةُ ابْنَةُ أَبِي حُبَيْشٍ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي امْرَأَةٌ اسْتَحَاضُ فَلَا أَطْهَرُ، أَفَادَعُ الصَّلَاةَ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَا؛ إِنَّمَا ذَلِكَ عِرْقٌ، وَلَيْسَ بِحَيْضٍ، فَإِذَا أَقْبَلْتَ حَيْضَتَكَ فَدَعِي الصَّلَاةَ، وَإِذَا أُدْبِرَتْ فَاغْسِلِي عَنكَ الدَّمَ، ثُمَّ صَلِّي». قَالَ: وَقَالَ أَبِي: «ثُمَّ تَوَضَّعِي لِكُلِّ صَلَاةٍ، حَتَّى يَجِيءَ ذَلِكَ الْوَقْتُ».

Teknik dialog dalam hadis ini adalah antara Rasulullah SAW dengan *sahabiyah* Fatimah binti Abu Hubaish tentang bab *istihadah*. Wanita yang mengalami *istihadah* hendaklah membersihkan dirinya terlebih dahulu dan tetap dituntut untuk menunaikan solat.

Dialog sahabat dengan sahabat yang lain

حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ، قَالَ: أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ، عَنْ الزُّهْرِيِّ، قَالَ: أَخْبَرَنِي عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُثْمَانَ: أَنَّ عَائِشَةَ قَالَتْ: لَمَّا ثَقُلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَاشْتَدَّ بِهِ وَجَعُهُ، اسْتَأْذَنَ أَزْوَاجُهُ فِي أَنْ يُمَرَّضَ فِي بَيْتِي، فَأَذِنَ لَهُ، فَخَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ رَجُلَيْنِ، تَخَطَّى رَجُلَاهُ فِي الْأَرْضِ، بَيْنَ عَبَّاسٍ وَرَجُلٍ آخَرَ. قَالَ عُبَيْدُ اللَّهِ: فَأَخْبَرْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَبَّاسٍ فَقَالَ: أَتَدْرِي مِنَ الرَّجُلِ الْآخَرِ؟ قُلْتُ: لَا. قَالَ: هُوَ عَلِيٌّ وَكَانَتْ عَائِشَةُ تُحَدِّثُ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بَعْدَ مَا دَخَلَ بَيْتَهُ وَاشْتَدَّ وَجَعُهُ: «هَرِيقُوا عَلَيَّ مِنْ سَبْعِ قَرَبٍ، لَمْ تُحْلَلْ أَوْكِئْتُهُنَّ، لَعَلِّي أَعْهَدُ إِلَى النَّاسِ». وَأَجْلَسَ فِي مَخْضَبٍ لِحَفْصَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، ثُمَّ طَفِقْنَا نَصُبُ عَلَيْهِ تِلْكَ، حَتَّى طَفِقَ يُشِيرُ إِلَيْنَا: أَنْ قَدْ فَعَلْتُمْ. ثُمَّ خَرَجَ إِلَى النَّاسِ.

Dialog Rasulullah SAW dengan orang kafir

حَدَّثَنَا أَبُو مَعْمَرٍ: حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَارِثِ: حَدَّثَنَا أَيُّوبُ: حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَعِيدٍ بْنُ جُبَيْرٍ، عَنْ أَبِيهِ: عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ، فَرَأَى الْيَهُودَ تَصُومُ يَوْمَ عَاشُورَاءَ، فَقَالَ: «مَا هَذَا؟» قَالُوا: هَذَا يَوْمٌ صَالِحٌ، هَذَا يَوْمٌ نَجَّى اللَّهُ بَنِي إِسْرَائِيلَ مِنْ غَدُوهِمْ، فَصَامَهُ مُوسَى. قَالَ: «فَأَنَا أَحَقُّ بِمُوسَى مِنْكُمْ». فَصَامَهُ وَأَمَرَ بِصِيَامِهِ.

Teknik dialog menekankan hujah-hujah dan dialog itu amat berfungsi. Teknik ini amat dipentingkan untuk menimbulkan aras ketinggian pemikiran Nabi SAW. Hadis yang menggunakan teknik dialog menunjukkan satu pertanyaan yang sama mendatangkan jawapan yang berbeza-beza. Hal ini bukan bererti Rasulullah SAW tidak konsisten. Namun ini memperlihatkan bahawa Rasulullah SAW sangat kritis dalam memberikan jawapan berkaitan dengan siapa yang mengajukan pertanyaan itu. Contoh yang dapat dilihat dalam hadis riwayat Anas bin Malik:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ، قَالَ: حَدَّثَنَا اللَّيْثُ، عَنْ سَعِيدٍ، هُوَ الْمُقْبِرِيُّ، عَنْ شَرِيكَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي نَمِرٍ: أَنَّهُ سَمِعَ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ يَقُولُ: بَيْنَمَا نَحْنُ جُلُوسٌ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْجِدِ، دَخَلَ رَجُلٌ عَلَى جَمَلٍ، فَأَنَاحَهُ فِي الْمَسْجِدِ ثُمَّ عَقَلَهُ، ثُمَّ قَالَ لَهُمْ: أَيُّكُمْ مُحَمَّدٌ؟ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَّكِيٌّ بَيْنَ ظَهْرَانِيهِمْ، فَقُلْنَا: هَذَا الرَّجُلُ الْأَبْيَضُ الْمُتَّكِي. فَقَالَ لَهُ الرَّجُلُ: ابْنَ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ! فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «قَدْ أَجَبْتُكَ». فَقَالَ الرَّجُلُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنِّي سَأَلْتُكَ فَمَشَدَّدٌ عَلَيْكَ فِي الْمَسْأَلَةِ، فَلَا تَجِدُ عَلَيَّ فِي نَفْسِكَ. فَقَالَ: «سَلْ عَمَّا بَدَا لَكَ». فَقَالَ: أَسْأَلُكَ بِرَبِّكَ وَرَبِّ مَنْ قَبْلَكَ، اللَّهُ أَرْسَلَكَ إِلَى النَّاسِ كُلِّهِمْ؟ فَقَالَ: «اللَّهُمَّ نَعَمْ». قَالَ: أَنْشُدْكَ بِاللَّهِ، اللَّهُ أَمَرَكَ أَنْ تُصَلِّيَ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسَ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ؟ قَالَ: «اللَّهُمَّ نَعَمْ». قَالَ: أَنْشُدْكَ بِاللَّهِ، اللَّهُ أَمَرَكَ أَنْ تَصُومَ هَذَا الشَّهْرَ مِنَ السَّنَةِ؟ قَالَ: «اللَّهُمَّ نَعَمْ». قَالَ: أَنْشُدْكَ بِاللَّهِ، اللَّهُ أَمَرَكَ أَنْ تَأْخُذَ هَذِهِ الصَّدَقَةَ مِنْ أَغْنِيَانَا فَتَقْسِمَهَا عَلَى فُقَرَانَا؟ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «اللَّهُمَّ نَعَمْ». فَقَالَ الرَّجُلُ: أَمَنْتُ بِمَا جِئْتُ بِهِ، وَأَنَا رَسُولٌ مِنْ وَرَائِي مِنْ قَوْمِي، وَأَنَا ضِمَامُ بْنُ ثَعْلَبَةَ، أَخُو بَنِي سَعْدِ بْنِ بَكْرٍ. رَوَاهُ مُوسَى وَعَلِيُّ بْنُ عَبْدِ الْحَمِيدِ، عَنْ سُلَيْمَانَ، عَنْ ثَابِتٍ، عَنْ أَنَسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِهَذَا.

Teknik penceritaan dominan yang digunakan dalam hadis naratif *Sahih al-Bukhari* yang menepati keperluan ketiga-tiga teori naratif Melayu tradisional, Islam dan barat ialah teknik dialog yang digunakan untuk menghidupkan peristiwa dan rangkaian peristiwa yang dilakukan dan mengurangkan ketegangan minda pembaca. Teknik dialog berupaya memperjelaskan sikap watak dan perwatakan sesuatu watak yang dapat ditelusuri menerusi dialog yang dituturkan seperti dialog Nabi SAW dengan al-Abbas. Dialog juga menggambarkan kritikan sosial pengarang yang disalurkan menerusi watak-watak yang berdialog, dalam pelbagai ruang dan situasi.

Teknik Pengulangan

Teknik perulangan digunakan untuk tujuan penegasan dan menimbulkan kesan keindahan serta membantu pembaca supaya lebih mudah memahami dan mengingati perkara yang disampaikan oleh pengarang. Perulangan terhadap kata kunci, klausa, atau ungkapan dan frasa menimbulkan ritma, kuasa dan ingatan terhadap teks dan mesej yang disampaikan (Grice & Skinner, 2001; Beebe & Beebe, 2003). Jeniri Amir (2013) mengatakan bahawa teknik perulangan berfungsi sebagai alat untuk menegaskan sesuatu maksud dan alat untuk memperkuat hujah serta menampilkan kesan keindahan dalam sesebuah karya.

Terdapat beberapa jenis teknik perulangan dalam hadis naratif *Sahih al-Bukhari* seperti perulangan huruf dalam perkataan, perkataan, ayat dan rima. Menyebut sesuatu perkara penting berulang-ulang kali agar mesej yang ingin disampaikan akan mudah diingati dan tidak menimbulkan kekeliruan pada yang lain. Selain itu teknik perulangan dalam hadis naratif juga

digunakan untuk meninggalkan kesan yang mendalam pada umat Islam. Antara jenis-jenis teknik perulangan itu ialah:

- i. Perulangan huruf dalam perkataan
- ii. Perulangan frasa atau ayat

Pengulangan huruf dalam perkataan

Ini membawa maksud perulangan huruf atau aksara dalam satu perkataan tertentu. Contoh perulangan huruf yang digunakan ialah seperti dalam kitab permulaan wahyu, keadaan Rasulullah SAW ketika menerima wahyu adakalanya merasa berat dan cara malaikat Jibril a.s datang membawa wahyu kepada Rasulullah SAW antaranya, mengeluarkan suara seperti bunyi loceng atau menyerupai seorang lelaki:

عن عائشة أم المؤمنين رضي الله عنها: أَنَّ الْحَارِثَ بْنَ هِشَامٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، كَيْفَ يَأْتِيكَ الْوَحْيُ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَحْيَانًا يَأْتِينِي مِثْلَ صَلَصلةِ الْجَرَسِ، وَهُوَ أَشَدُّ عَلَيَّ، فَيَقْصِمُ عَلَيَّ وَقَدْ وَعَيْتُ عَنْهُ مَا قَالَ، وَأَحْيَانًا يَتِمَثَّلُ لِي الْمَلَكُ رَجُلًا، فَيَكَلِّمُنِي فَأَعْيِي مَا يَقُولُ». قَالَتْ عَائِشَةُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: وَلَقَدْ رَأَيْتُهُ يُنْزَلُ عَلَيْهِ الْوَحْيُ فِي الْيَوْمِ الشَّدِيدِ الْبَرْدِ، فَيَقْصِمُ عَنْهُ وَإِنْ جَبِينَهُ لَيَتَقَصَّدُ عَرَقًا.

Perulangan huruf ص pada perkataan صلصلة iaitu bunyi desingan loceng yang mengiringi wahyu, Rasulullah SAW mendengarnya semasa menerima wahyu (keadaan yang sangat berat bagi Rasulullah SAW). Jadi, perulangan huruf ص ini adalah bunyi yang menyerupai atau menggambarkan kebingitan yang mengiringi penurunan wahyu. (Umainah, 2010)

Pengulangan frasa atau ayat

Ini membawa maksud perulangan ayat yang sama dalam sesuatu hadis. Contoh perulangan ayat yang terdapat dalam hadis *Sahih al-Bukhari* ialah:

حَدَّثَنَا مُسْلِمُ بْنُ أَبِرَاهِيمَ، قَالَ: حَدَّثَنَا هِشَامٌ، قَالَ: حَدَّثَنَا قَتَادَةُ: عَنْ أَنَسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «يُخْرِجُ مِنَ النَّارِ مَنْ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَفِي قَلْبِهِ وَزْنُ شَعِيرَةٍ مِنْ خَيْرٍ، وَيُخْرِجُ مِنَ النَّارِ مَنْ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَفِي قَلْبِهِ وَزْنُ بُرَّةٍ مِنْ خَيْرٍ، وَيُخْرِجُ مِنَ النَّارِ مَنْ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَفِي قَلْبِهِ وَزْنُ ذَرَّةٍ مِنْ خَيْرٍ». قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ: قَالَ أَبَانُ: حَدَّثَنَا قَتَادَةُ: حَدَّثَنَا أَنَسٌ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ إِيمَانٍ» مَكَانَ «خَيْرٍ».

Perulangan ayat ini berlaku sebanyak tiga kali tentang kalimah syahadah yang menjadi penolong manusia keluar daripada kekal berada di dalam neraka. Perulangan ayat ini menegaskan bahawa amalan baik yang dilakukan oleh individu yang beriman akan menjadi modal untuknya terselamat daripada siksaan api neraka. Jadi teknik perulangan ini memberi kesan mendalam kepada umat Islam dalam meyakini bahawa individu yang mempunyai iman walaupun hanya sedikit, akhirnya akan dikeluarkan juga daripada neraka. (Jawiah et al, 2017)

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ، قَالَ: حَدَّثَنَا اللَّيْثُ، عَنْ سَعِيدٍ، هُوَ الْمُقْبِرِيُّ، عَنْ شَرِيكَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي نَمِرٍ: أَنَّهُ سَمِعَ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ يَقُولُ: بَيْنَمَا نَحْنُ جُلُوسٌ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْجِدِ، دَخَلَ رَجُلٌ عَلَى جَمَلٍ، فَأَنَاحَهُ فِي الْمَسْجِدِ ثُمَّ عَقَلَهُ، ثُمَّ قَالَ لَهُمْ: أَيُّكُمْ مُحَمَّدٌ؟ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَّكِيٌّ بَيْنَ ظَهْرَانِيهِمْ، فَقُلْنَا: هَذَا الرَّجُلُ الْأَبْيَضُ الْمُتَّكِي. فَقَالَ لَهُ الرَّجُلُ: ابْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ! فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «قَدْ أَجَبْتُكَ». فَقَالَ الرَّجُلُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنِّي سَأَلْتُكَ فَمُسَدَّدٌ عَلَيْكَ فِي الْمَسْأَلَةِ، فَلَا تَجِدُ عَلَيَّ فِي نَفْسِكَ. فَقَالَ: «سَلْ عَمَّا بَدَا لَكَ». فَقَالَ: أَسْأَلُكَ بِرَبِّكَ وَرَبِّ مَنْ قَبْلَكَ، اللَّهُ أَرْسَلَكَ إِلَى النَّاسِ كُلِّهِمْ؟ فَقَالَ: «اللَّهُمَّ نَعَمْ». قَالَ: أَنْشُدْكَ بِاللَّهِ، اللَّهُ أَمَرَكَ أَنْ تُصَلِّيَ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسَ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ؟ قَالَ: «اللَّهُمَّ نَعَمْ». قَالَ: أَنْشُدْكَ بِاللَّهِ، اللَّهُ أَمَرَكَ أَنْ تَصُومَ هَذَا الشَّهْرَ مِنَ السَّنَةِ؟ قَالَ: «اللَّهُمَّ نَعَمْ». قَالَ: أَنْشُدْكَ بِاللَّهِ، اللَّهُ أَمَرَكَ أَنْ تَأْخُذَ هَذِهِ الصَّدَقَةَ مِنْ أَغْيَانِنَا فَتَقْسِمَها عَلَى فُقَرَانَا؟ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «اللَّهُمَّ نَعَمْ». فَقَالَ الرَّجُلُ: أَمَنْتُ بِمَا جِئْتُ بِهِ، وَأَنَا رَسُولٌ مِنْ وَرَائِي مِنْ قَوْمِي، وَأَنَا ضِمَامُ بْنُ ثَعْلَبَةَ، أَخُو بَنِي سَعْدِ بْنِ بَكْرٍ. رَوَاهُ مُوسَى وَعَلِيُّ بْنُ عَبْدِ الْحَمِيدِ، عَنْ سُلَيْمَانَ، عَنْ ثَابِتٍ، عَنْ أَنَسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِهَذَا.

Perulangan ayat *اللهم نعم، أنشدك بالله* sebanyak tiga kali untuk menegaskan mesej atau maksud yang hendak disampaikan iaitu tentang keimanan dalam dialog antara Rasulullah SAW dengan seorang lelaki yang menjadi utusan kaumnya iaitu Dimam bin Tha'labah akhirnya memeluk Islam.

Tujuan teknik perulangan dalam hadis naratif *Sahih al-Bukhari* digunakan adalah untuk mengukuhkan lagi mesej yang hendak disampaikan di samping menghilangkan rasa ketegangan pada susunan ceritanya. Selain itu, perulangan ini juga digunakan adalah untuk meninggalkan kesan mendalam pada umat Islam. Penekanan dan penegasan diberikan pada perulangan huruf, frasa dan ayat.

Teknik Pesanan

Pesanan ditulis atau dicakap oleh seseorang yang hendak berpergian ke satu-satu tempat yang jauh dan memakan masa yang lama ataupun berpergian dalam waktu yang singkat. Pesanan boleh dicatitkan sebagai nota ringkas pada kertas. (Fatimah, 2003) Pesanan dalam hadis naratif *Sahih al-Bukhari* mengukuhkan lagi peranan hadis sebagai pegangan hidup dalam menyelesaikan segala permasalahan dan hal yang berkaitan dengan kehidupan. Hadis juga adalah pedoman hidup yang dijadikan sebagai acuan dalam menjalani kehidupan seharian, dalam segenap aspek seperti beribadat, kehidupan berkeluarga, kegiatan ekonomi, hubungan dengan Allah dan sesama manusia dan lain-lain.

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ مُوسَى: حَدَّثَنَا وَكِيعٌ: حَدَّثَنَا زَكَرِيَّا بْنُ إِسْحَاقَ الْمَكِّيُّ، عَنْ يَحْيَى بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ صَيْفِيٍّ، عَنْ أَبِي مَعْبُدٍ مَوْلَى ابْنِ عَبَّاسٍ: عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ، فَقَالَ: «اتَّقِ دَعْوَةَ الْمُظْلُومِ؛ فَإِنَّهَا لَيْسَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ اللَّهِ حِجَابٌ». حَدَّثَنَا مُسْلِمُ بْنُ أَبِرَاهِيمَ: حَدَّثَنَا هِشَامٌ: حَدَّثَنَا قَتَادَةُ: عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «يَكْبُرُ ابْنُ آدَمَ وَيَكْبُرُ مَعَهُ اثْنَانِ: حُبُّ الْمَالِ وَطَوْلُ الْعُمُرِ».

Teknik *al-Amthal*

Teknik *al-Amthal* dikatakan sebagai satu teknik yang menjadikan perlambangan atau perbandingan dalam penceritaannya. Teknik ini juga adalah teknik simile yaitu sejenis bahasa pengucapan yang memuatkan perbandingan antara satu perkara dengan satu perkara lain. Perbandingan ini selalunya menggunakan perkataan-perkataan ini; seperti, ibarat, bagai, macam dan umpama. Fungsi utama penggunaan simile dalam karya ialah untuk memasukkan unsur indah. Selain dari itu untuk memperlihatkan ketepatan imej atau sifat luaran sesuatu peristiwa yang dibuat secara ukuran bandingan dengan sifat objek tertentu dari segi bentuk, warna, rasa, bunyi dan bau. Dengan perkataan lain perbandingan itu ada kaitan dengan unsur pancaindera (Fatimah, 2003)

Teknik *al-amthal* atau simile ini merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mempersembahkan sesuatu maksud dalam hadis. Menurut Mustafa (1989) *al-amthal* ini membawa maksud sesuatu penceritaan yang merupakan kiasan, qias, tamsil, ibarat atau perbandingan yang penuh dengan pengajaran, pendidikan dan pembentukan keperibadian Islam. Antara contoh hadis naratif yang menggunakan teknik *al-amthal* adalah seperti berikut:

حَدَّثَنَا آدَمُ: حَدَّثَنَا شُعْبَةُ: حَدَّثَنَا قَتَادَةُ، قَالَ: سَمِعْتُ زُرَّارَةَ بِنَ أَوْفَى يُحَدِّثُ، عَنْ سَعْدِ بْنِ هِشَامٍ: عَنْ عَائِشَةَ،
عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَثَلُ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ، وَهُوَ حَافِظٌ لَهُ، مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ، وَمَثَلُ الَّذِي
يَقْرَأُ وَهُوَ يَتَعَاهَدُهُ، وَهُوَ عَلَيْهِ شَدِيدٌ، فَلَهُ أَجْرَانِ».

Hadis riwayat Aisyah r.a ini menerangkan perumpamaan orang yang membaca al-Quran dan menghafalnya. Orang yang membaca dan menghafal al-Quran, dia bersama para malaikat yang mulia. Sementara orang yang membaca al-Quran, dia berusaha menghafalnya, dan itu menjadi beban baginya, maka dia mendapat dua pahala.”

حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ: حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ: أَنَّهُ سَمِعَ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «فَضْلُ عَائِشَةَ عَلَى النِّسَاءِ كَفَضْلِ
النَّارِ عَلَى الطَّعَامِ».

Hadis ini menjelaskan kelebihan dan keutamaan Aisyah r.a dengan seluruh wanita lain adalah seperti kelebihan *al-tharid* (sejenis makanan yang sangat bermanfaat dan disukai oleh Rasulullah SAW) berbanding makanan yang lain.

Kesimpulan

Teknik penceritaan yang terdapat dalam hadis naratif *Sahih al-Bukhari* yang diriwayatkan oleh tiga perawi utama, menampilkan sekurang-kurangnya lima teknik penceritaan yang utama iaitu teknik dialog, teknik pemerian, teknik perulangan, teknik pesanan dan teknik *al-amthal*. Kesemua teknik ini bersesuaian dengan sifat semulajadi manusia yang suka mendengar cerita sebagai panduan, pengetahuan, pengajaran dan hiburan bermanfaat. Bersesuaian dengan tujuan naratif Islam yang berusaha mendekatkan pembaca semakin mengenali asal usul dirinya yang

terlalu kecil di sisi Allah dan sentiasa bermuhasabah untuk meningkatkan keimanan kepada Allah dan Rasul-Nya, menuntut pengarang menghasilkan karya yang baik dan menarik.

Kajian ini telah merumuskan bahawa hadis naratif *Sahih al-Bukhari* banyak menggunakan teknik-teknik retorik penceritaan pemerian, teknik dialog, teknik pesanan, teknik perulangan, dan teknik *al-amthal* berbanding teknik-teknik lain. Kajian juga mendapati bahawa tiga teknik penceritaan iaitu teknik dialog, teknik pemerian dan teknik pesanan telah mendominasi dalam periwayatan hadis oleh ketiga-tiga perawi pilihan, manakala perawi Aisyah telah mendahului perawi-perawi lain dalam periwayatan hadis teknik pemerian dan dialog.

Sebanyak 463 hadis riwayat Aisyah r.a diekstrak daripada ensiklopedia *Sahih al-Bukhari*. Teknik retorik penceritaan yang utama dalam hadis naratif riwayat Aisyah r.a ialah teknik pemerian sebanyak 278 hadis, teknik dialog dalam 265 hadis, teknik pesanan dan teknik perulangan masing-masing terdapat dalam tiga buah hadis, manakala hanya terdapat dua hadis sahaja yang menggunakan teknik *al-amthal*.

Sebanyak 315 hadis riwayat Anas bin Malik r.a diekstrak daripada ensiklopedia *Sahih al-Bukhari*. Teknik penceritaan yang dominan dalam hadis riwayat Anas bin Malik r.a ialah teknik pemerian sebanyak 249 hadis, teknik dialog sebanyak 39 hadis, teknik wasiat dan pesanan 27 hadis, teknik perulangan dalam empat hadis dan teknik *al-amthal* hanya terdapat dalam dua buah hadis.

Sebanyak 313 hadis riwayat Ibn Abbas r.a diekstrak dari ensiklopedia *Sahih al-Bukhari*. Teknik penceritaan yang paling dominan dalam hadis riwayat Ibn Abbas ialah teknik pemerian sebanyak 234 hadis, diikuti dengan teknik dialog sebanyak 65 hadis, teknik wasiat dan pesanan sebanyak 25 hadis, teknik pengulangan terdapat dalam tiga hadis dan teknik *al-amthal* hanya terdapat dalam satu hadis.

Hadis naratif *Sahih al-Bukhari* telah mengaplikasikan teknik retorik penceritaan yang dominan seperti teknik pemerian, teknik dialog, teknik pesanan. Teknik yang paling sedikit digunakan ialah teknik perulangan dan teknik *al-amthal*. Oleh itu, jelaslah bahawa penerapan teknik retorik penceritaan dalam hadis dapat membuktikan kualiti penulisan yang baik dan menarik.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi USIM kerana memberi dana bagi menjalankan kajian ini melalui Geran Penyelidikan USIM (kod penyelidikan: PPPI/KHAS_CB/FPBU/051007/18118).

Rujukan

- A. Hibbard Thrall & C.H. Holman. (1960). *A Handbook to Literature*. New York: The Odyssey Press.
- al-Asqalani, A. H (1995). *al-Isabah fi Tamyiz as-Sahabah*. Dar al-Kutub al-Ilmiah. Beirut.
- al-Asqalani. A. H (1995). *Tahzib at-Tahzib*. Dar al-Kitab al-Islami.

- al-Khatib, A (1993). *al-Sunnah Qabla al-Tadwin*. Beirut. Dar Fikr.
- al-Salih, S (1984). *Ulum Hadis wa Mustalahuhu*. Beirut: Dar Ilm li al-Malayin.
- al-Suyuti. Abdul Rahman bin Abu Bakar. (1995) . *Tadrib al-Rawi Fi Sharhi Taqrib al-Nawawi*. Maktabah al-Kawthar
- Azami, M.M. (1978). *Study In Early Hadith Literature*. Indiana. American Trust Publication.
- Fatimah, B.(2003). *Memupuk Bakat dan Minat Penulisan Kreatif Teori dan Proses*. PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.
- <https://www.bukhari-pedia.net/> (2021, April 1)
- Ikrom, M. Ag. (2015). *Pengantar Ulumul Hadits*. Karya Abadi Jaya.
- Ismail al-Faruqi (1983) *Aslamah al-Makrifah*. Dar al-Buhuth al-Ilmiah. Kuwait
- J. A. Cuddon. (1977). *A Dictionary of Literary Terms*. London: Andre Deutsch.
- Dakir, J et al. (2017). *Sahih al-Bukhari Terjemahan dan Pengajaran Hadis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lukman, A (peny.) (1967). *Bahasa dan Sastra Indonesia Sebagai Cermin Manusia Indonesia Baru*. Jakarta: Gunung Agung.
- Mustafa, H. D.(1989). *Pengantar Tamadun Islam*. Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Yuslem,N (2001). *Ulumul Hadith*. Jakarta: PT Mutiara Sumber Widya.
- S. Othman Kelantan. (1986). *Teknik Mengkaji Novel (Dalam dan Luar)*. Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Nasr, S.H (1997). *Al-Fann al-Islami wa al-Ruhiyyah*.
- Shahnon, A. (1996). *Gubahan Novel*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib, S. (2002). *Karya Terpilih Sasterawan Dalam Esei dan Kritikan*. Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Umaimah, B. D. (2010). *al-Tikrar fi al-Hadis al-Nabawi al-Syarif. Majallah Jamiah Dimasq*. 26 (1&2). 73-113.